

Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3 Klt.34 (84)  
Tarikh : 17 Mac 2016

**Ketua Pengarang  
Thina Thanthi**

Tuan,

**MAKLUM BALAS ADUAN AKHBAR THINA THANTHI BERTAJUK "PERMOHONAN DOKUMEN PENGENALAN DITOLAK TANPA SEBAB?" BERTARIKH 16 MAC 2016, RABU – M.S: 7**

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin menjelaskan isu yang diutarakan oleh Prof. Dr. P. Ramasamy berkenaan proses permohonan kewarganegaraan Malaysia.
3. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) telah dan sentiasa mengambil pendekatan dengan menyediakan kemudahan - kemudahan mudah akses seperti Unit Khas Bergerak, Program Outreach dan program turun padang bagi membantu individu untuk memohon dokumen pengenalan diri. Kerajaan mengalu - alukan semua pihak menyalurkan maklumat agar pihak JPN boleh turun padang membantu menangani masalah di lapangan mengikut permohonan samada dari pihak individu atau NGO.
4. Untuk makluman, penganugerahan taraf kewarganegaraan Malaysia merupakan suatu anugerah tertinggi Kerajaan Persekutuan kepada seseorang individu bertaraf bukan warganegara. Setiap permohonan perlu melalui proses dan prosedur yang telah ditetapkan. Pertimbangan terhadap permohonan kewarganegaraan Malaysia adalah tertakluk kepada peruntukan - peruntukan yang telah ditetapkan dalam Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan dan tidak membezakan antara agama, bangsa atau keturunan seseorang.

Sekian, terima kasih

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah.

**(FARA MAYA BINTI AHMAD JELANI)**

Pegawai Perhubungan Awam,  
b.p Ketua Pengarah,  
Jabatan Pendaftaran Negara,  
Malaysia.

☎ : 03-88807077

☎ : 03-88808288

✉ : [pro@jpn.gov.my](mailto:pro@jpn.gov.my)

s.k.:  
1. YBhg. Dato' Sri KPPN  
2. YBhg. Datin Seri TKPPN (P)  
3. YBrs. Tuan TKPPN (O)